

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN LOKE SIEW FOOK  
[ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2015**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Loke Siew Fook** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah dasar dan langkah-langkah oleh pihak Kementerian untuk membangunkan *cruise tourism* dan bagaimana Swettenham Pier di Pulau Pinang boleh dibangunkan sebagai *home port* untuk syarikat perkapalan antarabangsa.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Industri *cruise tourism* adalah industri yang berpendapatan tinggi yang boleh membantu negara dalam mencapai sasaran Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia (MTTP) iaitu RM168 bilion pendapatan pelancongan menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, bagi mencapai sasaran ini, *Malaysia Cruise Council* (MCC) telah ditubuhkan pada tahun 2010 di bawah inisiatif *National Key Economic Area* (NKEA), *Entry Point Projects Ke-6* (EPP 6) yang dipengerusikan secara bersama oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan Kementerian Pengangkutan. MCC berperanan untuk merangka hala tuju industri *cruise tourism* negara dan menyelaraskan usaha pemasaran dan promosi bagi menarik kapal-kapal *cruise* ke Malaysia.

Di peringkat ASEAN, satu jawatankuasa berkaitan *cruise* (*ASEAN Cruise*) telah dibentuk di mana ianya diterajui oleh Singapura dengan dianggotai oleh Malaysia bersama-sama negara ASEAN yang lain. *ASEAN Cruise* diwujudkan bagi berkongsi pengetahuan dan amalan-amalan terbaik dalam mengurus serta mempromosikan *cruise tourism* di negara masing-masing dan di peringkat ASEAN.

Kerajaan Malaysia telah mengambil pelbagai usaha bersepadu ke arah penambahbaikan infrastruktur, promosi dan insentif kepada pembangunan Industri *Cruise* Malaysia. Pada masa ini terdapat tujuh (7) pelabuhan utama yang juga dikenal pasti sebagai *Straits Borneo Riviera* yang bagi mempromosikan dan menarik kapal-kapal *cruise* ke Malaysia. Pelabuhan-pelabuhan tersebut adalah Langkawi, Pulau Pinang, Pelabuhan

Klang, Melaka, Sabah, Sarawak dan Lumut. Hasilnya, pada tahun 2014, Malaysia telah menerima 421 *cruise calls* dan sehingga September 2015, Malaysia menerima 347 *cruise calls*. Dijangkakan statistik ini akan meningkat kepada 404 *cruise calls* sehingga akhir bulan Disember 2015. Dari segi bilangan penumpang cruise, dari Januari hingga September 2015, Malaysia mencatatkan sejumlah 313,793 penumpang pelayaran dengan pertumbuhan 28.3% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2014. Pada tahun 2014, Malaysia menerima sebanyak 352,322 penumpang persiaran.

Kementerian ini bersama-sama dengan Kementerian Pengangkutan dan PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Bengkel *Cruise Berthing Policy* pada 6 Julai 2015 di Kuala Lumpur yang dihadiri oleh penggiat-penggiat industri *cruise* dari dalam dan luar negara. Bengkel tersebut diadakan adalah untuk mengatasi isu kapal cruise bagi memudahcara pengendalian kapal cruise (SOP) agar dapat menyelesaikan masalah kapal-kapal cruise berlabuh. Ini adalah kerana terdapat pembatalan kebenaran berlabuh pada saat-saat akhir oleh operator pelabuhan, yang sedikit sebanyak menjejaskan imej Malaysia selain menimbulkan masalah kepada operator kapal cruise.

Selain itu juga, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan turut aktif dalam program-program mempromosi *cruise tourism* di peringkat dalam dan luar negara. Antaranya adalah:-

- (i) Mengadakan Majlis Sambutan Ketibaan Kapal *Quantum Of The Seas* di Terminal *Cruise Swettenham Pier* di Pulau Pinang dan di Terminal *Bousted Cruise Centre (BCC)*, Pelabuhan Klang pada bulan Jun lalu;

- (ii) Menyertai seminar dan pameran cruise di Cruise Shipping Miami 2015 pada 16-19 Mac 2015 di Miami, Amerika Syarikat. Penyertaan ini adalah bagi mempromosi industri *cruise* di peringkat antarabangsa;
- (iii) Terlibat secara langsung bagi penganjuran *2<sup>nd</sup> Global Cruise Tourism Conference* yang telah diadakan pada 5-6 Ogos 2015 di Pulau Langkawi, Kedah;
- (iv) Mengedarkan versi terbaru brosur pelancongan cruise yang mengandungi maklumat terkini berkenaan pelabuhan cruise di Malaysia dan perkhidmatan yang disediakan serta pakej pelancongan yang disediakan; dan
- (v) Membangunkan satu laman berkenaan industri *cruise* di laman sesawang Tourism Malaysia yang bertujuan bagi mempromosikan cruise.

Bagi membangunkan Terminal *Swettenham Pier* di Pulau Pinang sebagai *home port* untuk syarikat perkapalan antarabangsa, pelbagai kerja naiktaraf dan penambahbaikan telah dan sedang dilaksanakan seperti penambahbaikan laluan bagi *clearance* Kastam dan Imigresen di balai ketibaan, pengubahsuaian *Wharf Fenders* dan penambahan jambatan mudah alih bagi memudahkan lebih banyak kapal *cruise* antarabangsa yang berkapasiti lebih besar untuk berlabuh di sana. Ini adalah kerana Terminal *Swettenham Pier* di Pulau Pinang berpotensi untuk dijadikan sebagai *home port* kepada syarikat perkapalan antarabangsa.

Bagi tujuan promosi *Cruise Tourism* di Pulau Pinang, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga bersedia membantu mempromosikan terminal ini bersama-sama dengan program promosi melalui Tourism Malaysia. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menjemput pihak Terminal Swettenham Pier untuk menyertai seminar dan pameran cruise antarabangsa di *Cruise Shipping Miami 2015* pada 16-19 Mac 2015 yang lalu di Miami, Amerika Syarikat. Diharapkan kerjasama ini dapat diteruskan bagi membangunkan serta meningkatkan potensi industri cruise tourism di Malaysia.

Sekian, terima kasih.